

UNHCR: Rakyat Filipina lari ke

Oleh Zulkofli Jamaludin

BH 27 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) tidak menganggap rakyat Filipina yang lari ke Malaysia selepas tentera menyerang wilayah selatan negara itu pertengahan bulan ini, sebagai pelarian perang.

UNHCR mendefinisikan pelarian perang sebagai mereka yang melarikan diri selepas merasakan nyawa terancam disebabkan peperangan, keganasan etnik dan perjuangan politik.

Pegawai Pelindung UN-

HCR di sini, Shinji Kubo, berkata UNHCR melihat rakyat Filipina yang lari dari selatan negara itu hanya untuk menyelamatkan diri selepas kawasan penempatan mereka diserang tentera Filipina.

“Mereka hanya menyelamatkan diri untuk sementara dan akan kembali semula ke negara itu selepas serangan tentera terhadap kumpulan Abu Sayyaf tamat,” katanya kepada *Berita Harian*, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Moha-

mad, Khamis lalu dilaporkan berkata rakyat Filipina yang melarikan diri ke negara ini untuk mengelak serangan tentera di selatan negara itu, akan dianggap pelarian perang.

Pelarian yang ditahan akan ditempatkan di kawasan khusus dan dilarang keluar, kecuali jika sanggup balik ke Filipina.

Tentera Filipina melakukan serangan besar-besaran bagi membebaskan 22 tebusan, termasuk tiga rakyat Malaysia yang ditahan kumpulan Abu Sayyaf di Jolo.

Kubo berkata, setakat ini pihaknya belum menghantar pegawai ke Sabah untuk meninjau keadaan rakyat Filipina yang ditahan oleh pasukan keselamatan Malaysia.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai hak untuk mengusir rakyat Filipina yang cuba memasuki negara ini tanpa sebarang dokumen, untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan negara ini.

“Pihak antarabangsa tiada hak untuk mempersoalkan tindakan tegas Malaysia bagi mengelak

Malaysia bukan pelarian perang

kemasukan pelarian Filipina.

“Sehubungan itu, UNHCR sedia membantu pelarian terbabit sekiranya mereka benar-benar pelarian perang, bukan penjenayah yang terbabit dengan kumpulan Abu Sayyaf,” katanya.

Kubo berkata, dianggarkan kira-kira 50,000 pelarian Filipina mendapat perlindungan di Sabah, termasuk mereka yang diberi kebenaran bekerja di negeri itu.

Katanya, UNHCR menghentikan bantuan kepada

pelarian Filipina di Sabah pada 1995, tetapi masih memantau mereka yang di beberapa penempatan, termasuk di Kota Kinabalu dan beberapa pulau di negeri itu.

Mengikut Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967, UNHCR akan berusaha memastikan pelarian mendapat perlindungan dan diberikan taraf sesuai dan sah di negara baru yang menerima mereka.

Mengenai jumlah pelarian yang mengemukakan permohonan untuk ditempatkan di negara ketiga, beliau

berkata pihaknya menempatkan antara 70 hingga 100 pelarian setahun.

Pelarian itu ditempatkan di negara ketiga termasuk Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Norway dan Sweden.

Kubo berkata, setiap permohonan perlu menunggu di antara lima dan enam tahun sebelum ditempatkan di negara ketiga.

“Jika mereka bernasib baik pelarian terbabit berpeluang mendapat perlindungan dalam tempoh dua atau tiga tahun saja,” katanya.